

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF**

**SOALAN**

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan status terkini pelaksanaan skim subsidi petrol bersasar dan penjelasan ekoran kegagalan Kerajaan melaksanakan skim tersebut pada suku kedua tahun 2019.

**JAWAPAN**

**Yang di Pertua,**

KPDNHEP pada masa ini sedang **memuktamadkan jumlah penerima dan juga implikasi kewangan** bagi pelaksanaan Program Subsidi Petrol. Cadangan pelaksanaan Program Subsidi Petrol akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri sebelum pengumuman rasmi dibuat dan penerangan kepada orang ramai dilaksanakan.

Dalam merancang pelaksanaan Program Subsidi Petrol pelbagai perkara memerlukan penelitian yang terperinci seperti **data penerima subsidi, proses dan mekanisme subsidi serta implikasi kewangan**. Dalam hal ini, Kementerian telah melaksanakan sesi libat urus dengan pelbagai pihak seperti syarikat-syarikat minyak, pengusaha-pengusaha stesen, persatuan-persatuan pengguna, agensi kerajaan dan ahli-ahli ekonomi. Semua pertimbangan yang dibuat oleh Kementerian adalah berdasarkan kepada maklumat dan fakta yang dikumpulkan supaya akhirnya keputusan dibuat adalah berdasarkan kepada prinsip-prinsip yang betul dan kukuh.

Sekian, terima kasih.